



LARANGAN MEROKOK DI PREMIS AWAM/KERAJAAN

Berdasarkan **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U.(A)324/2004]**; di dalam **Senarai Kawasan Larangan Merokok** yang diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia termasuklah:-

Tempat Dilarang Merokok

11. (1)Tiada seorang pun boleh merokok:-

- (j) di mana-mana kawasan di dalam suatu institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi.**

Pelajar dan kakitangan Universiti diingatkan berkenaan dengan **LARANGAN MEROKOK** di mana-mana kawasan premis institusi pendidikan tinggi seperti yang diwartakan. Pelajar dan kakitangan Universiti juga hendaklah diingatkan bahawa mereka boleh diambil tindakan sekiranya melanggar peraturan berkenaan.

Pelajar dan kakitangan Universiti boleh dikenakan denda seperti berikut:-

- (i) Kesalahan kali pertama akan dikenakan denda sebanyak RM 100-00; dan
- (ii) Kesalahan kali kedua akan dikenakan denda sebanyak RM 200-00.

Manakala bagi kesalahan kali ketiga, Pelajar dan kakitangan Universiti boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti berikut:-

(i) Bagi pelajar Universiti

Dikenakan mana-mana tindakan Tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Universiti; dan

(ii) Bagi kakitangan Universiti

Dikenakan tindakan Tatatertib iaitu hukuman sehingga tahan gaji, turun pangkat atau buang kerja boleh diambil bergantung kepada rekod perkhidmatan kakitangan.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pelajar dan kakitangan Universiti untuk mengambil berat berhubung dengan larangan merokok di kawasan premis Universiti Malaya dengan **TIDAK MEROKOK** dalam kawasan Universiti seperti yang terkandung dalam Undang-Undang Negara.

ARAHAN: Naib Canselor, Universiti Malaya.

Tarikh:19 April 2012.